



KENYATAAN MEDIA PENGURUSAN ARAH KIBLAT DALAM NEGERI SELANGOR

- 1 Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui Bahagian Falak bertanggungjawab dalam membuat penentuan dan pengesahan arah kiblat dalam Negeri Selangor melibatkan semua masjid, surau kebenaran solat jumaat, surau, musolla, tanah perkuburan Islam, ruang solat awam, hentian rehat RNR, stesen minyak, industri, perhotelan, pejabat dan lain-lain.
- 2 Jabatan Mufti Negeri Selangor juga dengan kekangan sumber manusia yang terhad telah memberi kebenaran kepada Persatuan Ahli Falak Negeri Selangor yang berdaftar di bawah Persatuan Islam Bukan Kerajaan Majlis Agama Islam Selangor (PIBK) bagi membantu masyarakat Islam yang ingin mendapatkan khidmat penentuan arah kiblat terhad bagi rumah-rumah kediaman sahaja.
- 3 Bagi memudahkan orang ramai mengetahui arah kiblat rumah kediaman, Jabatan Mufti Negeri Selangor juga sentiasa mengeluarkan hebahan semakan arah kiblat ketika berlakunya fenomena Matahari tegak di atas Kaabah. Selain itu, Jabatan ini turut mengeluarkan jadual kedudukan Matahari se arah kiblat secara bulanan di FB Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk makluman orang ramai.
- 4 Dalam melaksanakan tugas-tugas penentuan arah kiblat Bahagian Falak tertakluk kepada keputusan Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Selangor.
 - 4.1 Keputusan Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-79 Tahun 2007 pada 6 – 8 September 2007 seperti berikut:

“Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan oleh semua ahli, Muzakarah berpandangan bahawa arah mengadap kiblat merupakan perkara ijtihad dan zanni. Penentuan had tidak melebihi 3° bagi pesongan mihrab yang dibenarkan tidak perlu ditetapkan. Oleh itu, Muzakarah memutuskan bahawa had berpaling yang dibenarkan dari arah kiblat tidak perlu difatwakan, tetapi boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam pembinaan masjid dan surau baru.”
 - 4.2 Jawatankuasa Falak Negeri Selangor telah mengambil maklum berhubung isu yang berbangkit dan memutuskan bahawa:-

- i. Bagi panduan individu yang mendirikan solat, kadar selisih arah kiblat tidak ditentukan kerana nas yang memberikan keluasan selagi mana arah kiblat tidak berada di kiri atau di kanannya.
- ii. Bagi bangunan seperti masjid, surau dan tapak perkuburan kadar 3° dapat digunakan sebagai panduan selisih arah kiblat berdasarkan kemampuan peralatan falak dalam membuat pengiraan dan pengukuran yang lebih tepat.
- iii. Bagi masjid dan surau yang dibetulkan arah kiblatnya, solat yang telah dilakukan sebelum pembetulan tersebut tidak perlu diqadha.
- iv. Bagi perkuburan yang dibetulkan arah kiblatnya, jenazah yang dikebumikan di tapak perkuburan itu wajib dipalingkan semula ke arah kiblat yang betul, kecuali jika jenazah itu sudah rosak dan berubah.

5 Jabatan Mufti Negeri Selangor telah selesai membuat semakan arah kiblat di semua masjid, surau kebenaran diri solat Jumaat dan tanah perkuburan Islam dalam Negeri Selangor. Manakala, premis-premis yang lain semakan arah kiblat dilakukan berdasarkan permohonan yang diterima. Berikut adalah bilangan arah kiblat yang telah ditentukan dan disahkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor bermula tahun 2001.

BIL.	TAHUN	JUMLAH
1.	2001	16
2.	2002	17
3.	2003	41
4.	2004	54
5.	2005	92
6.	2006	120
7.	2007	179
8.	2008	172
9.	2009	257
10.	2010	276
11.	2011	234

BIL.	TAHUN	JUMLAH
12.	2012	335
13.	2013	315
14.	2014	417
15.	2015	546
16.	2016	492
17.	2017	552
18.	2018	457
19.	2019	592
20.	2020	364
21.	2021	317
22.	2022	586

MENGHADAP KE ARAH KIBLAT ADALAH SYARAT SAH SOLAT

Antara syarat sah solat adalah wajib menghadap ke arah kiblat. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 144:

فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ

Maksudnya: Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram

Bagi yang tinggal jauh daripada Mekah, jumhur ulama' berpendapat memadai dengan menghadap *jihah* (arah) Kaabah dan tidak wajib menghadap *'ain* (jasad fizikal) Kaabah. *Jihah* bererti had berpaling yang dibenarkan daripada kiblat adalah lebih luas berbanding *'ain* sekiranya dirujuk kepada hadis yang menjadi hujah jumhur ulama'.

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ قِبْلَةٌ

Maksudnya; "Apa yang di antara timur dan barat adalah qiblat".

(Riwayat Ibnu Majah)

Keluasan ini turut diperjelaskan didalam sepotong hadis yang diriwayatkan daripada Abu Ayyub Al-Ansari bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِذَا أَتَيْتُمُ الْغَايَةَ فَلَا تَسْتَقْبِلُوا الْقِبْلَةَ وَلَا تَسْتَدْبِرُوهَا وَلَكِنْ شَرَّفُوا أَوْ غَرَّبُوا

Maksudnya; "Apabila kamu ke tempat membuang air, maka janganlah kamu menghadap kiblat dan jangan membelakanginya, akan tetapi menghadaplah ke timur atau ke barat".

(Riwayat Al-Bukhari)

Namun, usaha-usaha mendapatkan arah kiblat setepat yang mungkin amatlah digalakkan. Untuk itu, Jabatan Mufti Negeri Selangor sentiasa memberi penerangan dan hebahan kepada orang ramai bagi menyemak ketepatan arah kiblat termasuk ketika berlakunya fenomena matahari berada pada kedudukan tegak di atas Kaabah yang dikenali sebagai *Istiwa' A'dzom*, berlaku pada setiap 28 Mei dan 16 Julai pada tahun biasa dan pada 27 Mei dan 15 Julai pada tahun lompat. Orang ramai juga boleh merujuk jadual kedudukan bayang matahari se arah kiblat dalam jadual waktu solat bulanan yang dikeluarkan oleh di FB Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Justeru itu, selain menggunakan aplikasi kiblat yang sedia ada di pasaran, orang ramai juga boleh menggunakan aplikasi *eFalak Selangor* bagi mendapatkan arah kiblat rumah kediaman. Aplikasi ini boleh didapati di *google play store* dan laman web Jabatan Mufti Negeri Selangor. Aplikasi ini akan memaparkan garisan arah kiblat di mana kita berada melalui imej satelit.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



DATO' SETIA PROF. MADYA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR
S.S.I.S., D.P.M.S.

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor